

BH 30/12/23 ms 8

DBKL keluar tiga arahan tutup premis, 35 kompaun

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan tiga arahan penuh tutupan premis makanan serta 35 kompaun pelbagai kesalahan selepas memeriksa 30 premis dalam Operasi Sepadu Bersih, kelmarin.

DBKL dalam kenyataan berkata, operasi dijalankan di sekitar Jalan Hujan Rahmat, Jalan Radin Bagus dan Jalan Radin Tengah di Parlimen Seputeh; Jalan Lang Kuning dan dua premis komersial di Parlimen Segambut; serta Jalan Development dan Jalan Metro Perdana di Parlimen Kepong.

“Sebuah gerai diarahkan tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 dan dua lagi mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 28(1), Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

“Selain itu, sebanyak 35 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016 dan Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979.

“Kesalahan dikesan membabitkan pekerja tiada suntikan tifoid, premis kotor dan berbau busuk dengan pengendalian pembuangan sisa secara tidak teratur serta terdapat najis tikus di kawasan dapur,” katanya sambil memaklumkan operasi itu membabitkan 23 anggota termasuk petugas kesihatan DBKL.

DBKL berkata, pelanggan perlu menggunakan hak mereka sekiranya pemilik premis tidak mahu berubah.

“Pastikan premis bersih pilihan anda, jadi lebih peka mengenai hal kesihatan, kebersihan dan keselamatan makanan,” katanya.